

**Bursa Terbit Senarai Terkini Sekuriti Yang Layak Peroleh Pinjaman, Pembiayaan  
Bernama  
5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Bursa Malaysia Bhd menerbitkan senarai terkini sekuriti layak untuk pinjaman dan pembiayaan sekuriti (SBL).

Menerusi senarai terbaharu itu, bilangan saham layak untuk SBL meningkat daripada 171 kepada 218, kata bursa saham itu dalam satu kenyataan hari ini.

"Dengan membolehkan lebih banyak saham diklasifikasikan sebagai 'sekuriti diluluskan', ia akan dapat meningkatkan tahap pasaran SBL dan memudahkan pencapaian harga yang lebih baik menerusi aktiviti Jualan Singkat Yang Dikawal (RSS)," katanya.

SLB sudah meningkat kepada RM1.7 bilion pada akhir 2013 berbanding RM450 juta pada 2012, manakala nilai dagangan purata bulanan RDS berkembang kepada RM142 juta tahun lepas berbanding RM28 juta pada 2012.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019371>